

04/09/1997

PM nafi Rashid, Azman ditangkap

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan khabar angin yang menyatakan dua tokoh bank tempatan ditangkap kerana terbabit dalam manipulasi kegiatan saham sebagai fitnah oleh golongan yang ingin melihat ekonomi Malaysia hancur.

Perdana Menteri menjelaskan, khabar angin itu dimulakan oleh seseorang yang benar-benar mempunyai niat jahat terhadap negara ini.

"Terlalu kejam. Pagi tadi khabar angin menyatakan timbalan saya menyerahkan surat peletakan jawatan dan tokoh bank tertentu telah ditangkap.

"Ini adalah kerja mereka yang ingin melihat ekonomi negara kita dihancurkan," katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan taklimat kepada 1,320 pemimpin dari 165 Umno bahagian di seluruh di sini, petang ini.

Beliau menjawab soalan pemberita mengenai khabar angin kononnya Pengerusi Eksekutif RHB, Tan Sri Rashid Hussein (gambar) dan Pengerusi Eksekutif Arab Malaysian Corporation Bhd, Tan Sri Azman Hashim, ditangkap kerana terbabit dalam kegiatan manipulasi saham.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, juga menjelaskan tiada tokoh bank negara akan didakwa berhubung kegiatan manipulasi pasaran saham.

Beliau berkata, khabar angin kononnya ada tokoh bank akan didakwa tidak lama lagi adalah palsu dan tidak benar.

"Tak benar...itu hanya khabar angin," katanya.

Khabar angin mengenai penangkapan Rashid dan Azman yang tersebar luas hari ini, menyebabkan penjualan mendadak berterusan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan pada penutup indeks mencatatkan kejatuhan 44.97 mata kepada 747.68 mata.

Rashid ketika dihubungi kesal dengan khabar angin yang disifatkannya sebagai usaha jahat untuk menjejaskan keyakinan pelabur terhadap BSKL. Sementara itu Azman dalam kenyataannya kepada Bernama menafikan beliau dan Kumpulan Arab Malaysian disiasat atas kegiatan jualan singkat.

(END)